

**JPN PERAK**

**2020**

**Modul#learning@home**

**SEJARAH-K1**

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**We Deliver**



**TINGKATAN**

**4**



**BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA**

**4.1 : British Military Administration (BMA)**

1. Apakah tugas British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu? **ms 94**
  - I Mewujudkan keamanan
  - II Menjimatkan perbelanjaan
  - III Memulihkan kepercayaan rakyat
  - IV Mengembalikan kestabilan negara  
  - A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
  
2. Apakah usaha British Military Administration untuk menarik kepercayaan rakyat kepada mereka? **ms 94**
  - A Menghapuskan cukai
  - B Menarik pelabur asing
  - C Membaiki infrastruktur
  - D Memberi latihan kepimpinan
  
3. Apakah kesan kegagalan British Military Administration melaksanakan tugasnya terhadap penduduk tempatan? **ms 95**
  - A Waspada dengan kuasa asing
  - B Menyerah nasib kepada takdir
  - C Menyerah nasib kepada penjajah
  - D Mengharapkan bantuan kuasa lain

4. Jadual yang menunjukkan peningkatan harga dari bulan Disember 1941 hingga bulan Ogos 1945 di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun. **ms 95**

Sebelum Perang Disember 1941			Disember 1944	Julai 1945	Selepas Perang Ogos 1945
Barang	Unit	Dolar Selat (Straits Settlements)	Mata Wang Jepun		
Beras	Per kati	0.06	8.20	36.00	75.00
Gula	Per kati	0.08	18.00	72.00	120.00
Garam	Per kati	0.015	9.50	22.00	28.00
Telur	Setiap satu	0.03	1.25	8.50	35.00
Balm Harimau	½ oz.	0.45	15.00	35.00	45.00
Petrol	Per Gelen	0.85	55.00	160.00	185.00

Mengapakah keadaan ini berlaku ?

- A Bencana alam
  - B Sekatan ekonomi
  - C Masalah pengangguran
  - D Kegiatan pasaran gelap
5. Mengapakah rakyat hampa terhadap British Military Administration (BMA). **ms 95**
- A Terlalu lambat dalam memulihkan sosio ekonomi di Tanah Melayu
  - B Ketidakupayaan memulihkan dan menangani masalah di Tanah Melayu
  - C Gagal membawa masuk jentera, alat ganti dan jentera ke Tanah Melayu
  - D Mengabaikan pemulihan sosio ekonomi dan keamanan di Tanah Melayu

4.2 : **Gagasan Malayan Union**

6. Maklumat berikut menerangkan tujuan pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Pelaburan ekonomi</li><li>• Melicinkan sistem pentadbiran</li></ul> |
|---|

Bagaimanakah tindakan British untuk mencapai hasrat tersebut? **ms 96**

- A Memperkenalkan Malayan Union
- B Melaksanakan dasar dekolonisasi
- C Membubarkan Negeri-negeri Selat
- D Menghapuskan institusi kesultanan

7. Apakah tujuan Malayan Union diperkenalkan? **ms 96**

- I Melicinkan sistem pentadbiran
- II Meningkatkan pelaburan ekonomi
- III Menyatupadukan rakyat di Tanah Melayu
- IV Meningkatkan pendidikan penduduk tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Berikut merupakan rancangan Malayan Union yang telah diisytiharkan dalam warta kerajaan.

Kertas Putih 6274

Nyatakan perkara yang terkandung dalam kertas tersebut? **ms 96**

- I Mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu
  - II Menyeragamkan pentadbiran di Tanah Melayu
  - III Menyatupadukan seluruh rakyat di Tanah Melayu
  - IV Menubuhkan pentadbiran berpusat di Tanah Melayu
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9. Jadual berikut berkaitan dengan ciri-ciri pentadbiran Malayan Union.

<b>Pentadbiran Malayan Union</b>	
Ketua pentadbiran	Gabenor British
Majlis Eksekutif	Pesuruhjaya Tinggi British
Majlis Perundangan	Pesuruhjaya Tinggi British

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan maklumat tersebut? **ms 97**

- A Penjajahan secara mutlak
- B Pembentukan negara republik
- C Persekutuan Tanah Melayu ditolak
- D Pengaruh komunis berjaya dibendung

**4.3 : Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Malayan Union**

10. Antara berikut yang manakah merupakan kesan pengenalan Malayan Union terhadap Raja-raja Melayu? **ms 100**

- A. Pengukuhan kuasa Raja-raja Melayu
- B. Meningkatkan hasil pendapatan raja
- C. Raja-raja kehilangan kuasa dan kedaulatan politik
- D. Raja-raja dapat berunding secara terus dengan kerajaan British

11. Penubuhan Kongres Melayu telah disokong oleh Raja-raja Melayu dengan sepenuhnya.

Apakah tujuan penubuhan Kongres Melayu tersebut? **ms 101**

- A. Merancang demonstrasi menentang Malayan Union
- B. Memberi sumbangan idea dan kewangan bagi menentang Malayan Union
- C. Menunjukkan kesungguhan orang-orang Melayu menentang Malayan Union
- D. Menghimpunkan pemimpin-pemimpin Melayu bagi menentang Malayan Union

12. Ketiga-tiga akhbar di atas memainkan peranan yang besar dalam menyuarakan bantahan terhadap penubuhan Malayan Union.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Utusan Melayu ( Singapura )</li><li>• Majlis ( Kuala Lumpur )</li><li>• Warta Negara ( Pulau Pinang )</li></ul> |
|---|

Apakah yang disarankan oleh ketiga-tiga akhbar tersebut? **ms 102**

- A. Menganjurkan penubuhan parti politik
- B. Menyeru orang-orang Melayu bersatu
- C. Menyebarkan ideologi demokrasi
- D. Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union

13. Gambar berikut merupakan seorang tokoh yang memainkan peranan penting semasa penubuhan Malayan Union.



Apakah sumbangan tokoh tersebut? **ms 104**

- I. Mengadakan rapat umum
- II. Menghantar surat bantahan
- III. Menerbitkan akhbar Melayu
- IV. Menganjurkan kongres melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. L.D Gammans Dan David Rees Williams telah membuat laporan kepada Pejabat Tanah Jajahan semasa membuat tinjauan terhadap penentangan Malayan Union oleh orang Melayu.

Apakah kesan daripada laporan tersebut? **ms 106**

- A. Malayan Union ditubuhkan
- B. Raja-Raja Melayu kehilangan kuasa
- C. Tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu
- D. Tanah Melayu diterima menjadi tanah jajahan British

**4.4 : Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British**

15. Desakan kerajaan British terhadap Vyner Brooke telah membawa kepada penyerahan Sarawak kepada British. Mengapakah British begitu berminat untuk menguasai Sarawak? **ms 107**
- A. Memulihkan Keamanan
  - B. Kepentingan Pelaburan
  - C. Melancarkan pentadbiran
  - D. Mengukuhkan pertahanan
16. British bercita-cita menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya. Mengapakah British ingin menguasai Sarawak? **ms 107**
- I Menguasai ekonomi Sarawak
  - II Menjamin kepentingan pemodal Eropah
  - III Menguasai jalan perdagangan antarabangsa
  - IV Menjadikan Sarawak pangkalan tentera British
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
17. Apakah sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British pada tahun 1946? **ms 107**
- A. pepecahan penduduk
  - B. janji kepada penduduk
  - C. desakan penduduk tempatan
  - D. ketiadaan pewaris yang layak

18. Pada 2 Mei 1946, British telah menghantar wakil parlimennya untuk meninjau pandangan penduduk Sarawak tentang penyerahan Sarawak kepada British.

Apakah hasil tinjauan tersebut? **ms 108**

- A. Orang Melayu menyokong
- B. Sebahagian besar rakyat Sarawak bersetuju
- C. Setuju mengekalkan taraf Sarawak sebagai negeri naungan
- D. Terdapat penduduk yang tidak memahami maksud penyerahan.

#### **4.5 : Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sarawak**

19. Apakah faktor penentangan penyerahan Sarawak ? **ms 109**

- I. Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941
- II. Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke
- III. mengharamkan gerakan persatuan di Sarawak
- IV. memenjarakan pemimpin Sarawak

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Salah satu cara penentangan penduduk tempatan ialah mengadakan persidangan. Ia telah dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Sarawak. Objektif persidangan ini adalah

**ms 110**

- A. mengeratkan hubungan kerjasama di kalangan perwakilan
- B. berbincang untuk mendapatkan persetujuan perwakilan
- C. mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai
- D. merancang strategi untuk menyerang British

21. Pernyataan di bawah merupakan antara tindakan penduduk tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British.

- Diterbitkan pada bulan Januari 1946
- Saluran untuk menyebarkan tentangan
- Menggunakan kritikan yang tajam

Apakah alat penyebaran yang digunakan ? **ms 111**

- A Berita Sarawak
- B Akhbar Borneo
- C Warta Sarawak
- D Utusan Sarawak



Rosli Dhoby

22. Tokoh di atas merupakan pejuang kemerdekaan Sarawak. Beliau berjaya membunuh Duncan Stewart sehingga mencetuskan kemarahan British. Apakah tindakan British terhadap peristiwa tersebut ? **ms 112**

- A. Membiarkan gerakan anti penyerahan diteruskan
- B. Dihantar ke London untuk dibicarakan
- C. Ditawarkan bekerja dengan kerajaan
- D. Menindas gerakan anti penyerahan

23. Apakah tujuan gerakan propenyserahan yang telah menubuhkan Young Malay Association ? **ms 113**
- A. Menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi
  - B. Meningkatkan tahap pendidikan penduduk Sarawak
  - C. Menyedarkan orang Sarawak kesan penjajahan
  - D. Mengeratkan kerjasama antara orang Melayu

**4.6 : Penyerahan Sabah Kepada Kerajaan British**

24. Apakah kesan perjanjian antara SBUB dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946?  
**ms 114**
- A British menguasai perdagangan
  - B Sabah menerima penasihat British
  - C Sabah menjadi tanah jajahan British
  - D Kerjasama ekonomi SBUB dan British
25. Semasa pemerintahan SBUB, Sabah merupakan negeri naungan British.  
Apakah aspek yang dikuasai oleh British semasa Sabah menjadi negeri naungannya?  
**ms 114**
- I Pertahanan Sabah
  - II Pentadbiran Sabah
  - III Perdagangan Sabah
  - IV Perhubungan Luar Negeri
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

26. Apakah faktor Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan pentadbiran kepada kerajaan British pada tahun 1946. **ms 115**
- A Pemodelan pentadbiran
  - B Kepentingan ekonomi
  - C Pemulihan prasarana
  - D Desakan British



27. Gambar 1 menunjukkan kemusnahan bandar Sandakan selepas dibom oleh tentera Jepun. Berdasarkan peristiwa tersebut, mengapakah SBUB bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British? **ms115**
- A Kekurangan dana
  - B Masalah pentadbiran
  - C Masalah pembangunan
  - D Kehilangan banyak nyawa

**4.7 : Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Penyerahan Sabah**

28. Bilakah penyerahan Sabah kepada British berlaku? **ms 116**
- A. 15 Julai 1946
  - B. 25 Julai 1946
  - C. 15 Ogos 1948
  - D. 18 ogos 1958

29. Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah pemimpin di Sabah sukar untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan untuk melakukan gerakan nasionalisme? **ms 116**

- A. Etnik di Sabah sering berbalah
- B. Masyarakat di Sabah tidak bersatu padu
- C. British telah melakukan sekatan dan penindasan kepada penduduk
- D. Perbezaan dari aspek bahasa, budaya, sistem kepercayaan, petempatan dan kegiatan ekonomi.

30. Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatan di Sabah.

Mengapakah penyerahan ini tidak mendapat tentangan? **ms 116, 117**

- I. Dasar British.
- II. British menjanjikan kemerdekaan
- III. Penduduk tempatan diugut bunuh oleh British
- IV. Kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

**SKEMA JAWAPAN BAB 4, T4 KSSM**

<b>NO. SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>1</b>	<b>D</b>
<b>2</b>	<b>C</b>
<b>3</b>	<b>A</b>
<b>4</b>	<b>D</b>
<b>5</b>	<b>B</b>
<b>6</b>	<b>A</b>
<b>7</b>	<b>A</b>
<b>8</b>	<b>B</b>
<b>9</b>	<b>A</b>
<b>10</b>	<b>C</b>

<b>NO. SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>11</b>	<b>C</b>
<b>12</b>	<b>B</b>
<b>13</b>	<b>B</b>
<b>14</b>	<b>C</b>
<b>15</b>	<b>B</b>
<b>16</b>	<b>A</b>
<b>17</b>	<b>D</b>
<b>18</b>	<b>D</b>
<b>19</b>	<b>A</b>
<b>20</b>	<b>C</b>

<b>NO. SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>21</b>	<b>D</b>
<b>22</b>	<b>D</b>
<b>23</b>	<b>A</b>
<b>24</b>	<b>C</b>
<b>25</b>	<b>B</b>
<b>26</b>	<b>C</b>
<b>27</b>	<b>A</b>
<b>28</b>	<b>A</b>
<b>29</b>	<b>D</b>
<b>30</b>	<b>B</b>